

KANDUNGAN

Usuluddin (931/1)	<i>1 – 3</i>
Usuluddin (931/2)	<i>5 – 8</i>
Usuluddin (931/3)	<i>9 – 10</i>

USULUDDIN (931/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 1219 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 81.30% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.95	7.79	10.50	9.19	14.52	14.19	11.16	5.74	5.58	3.36	4.02

SEMESTER 1

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil dengan tepat, dan calon tidak dapat memberikan fakta yang tepat.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menjelaskan dua sebab Islam dianggap sebagai agama para nabi dan rasul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah Islam ialah agama yang benar serta seragam antara semua agama samawi, para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah SWT membawa dasar akidah yang satu, Islam menjadi tunjang penyatuan umat manusia, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menerangkan sebab Islam merupakan agama yang sesuai untuk seluruh manusia. Kebanyakan calon mampu menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah Islam agama *syumul*, *rabbaniyyah*, fitrah dan kekal.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan kesempurnaan Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah tidak timbul pertelingkahan tentang permasalahan sifat dan zat sebagaimana yang berlaku terhadap golongan *mutakallimin*, para sahabat menerima seruan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW tanpa takwil, para sahabat tidak berbahas dan berdebat tentang perkara yang tidak mampu ditanggapi oleh akal manusia, dan sebagainya.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan elemen iman, Islam, dan ihsan semasa melaksanakan ibadah korban. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya memberikan pengertian Iman, Islam, dan Ihsan sahaja. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Elemen Iman: Menyebut nama Allah SWT ketika melakukan sembelihan
- Elemen Islam: Menggunakan pisau atau alat yang boleh menyembelih
- Elemen Ihsan: Menggunakan pisau yang tajam sehingga tidak menyakitkan binatang

Soalan 2(b) menghendaki calon menghuraikan tiga faktor yang boleh menambahkan iman seseorang Muslim. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah memperbanyakkan amal kebajikan, bersedekah, berzikir, berfikir tentang ciptaan Allah SWT, berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan, dan sebagainya.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan peranan akidah dalam kehidupan masyarakat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah akidah dapat membentuk masyarakat yang saling membantu dalam mencari keredaan Allah SWT, akidah yang diterjemahkan dalam bentuk perkataan dan perbuatan dapat menjadikan masyarakat Islam sebagai *role model*, akidah dapat membentuk kesatuan ummah yang kuat, akidah yang kuat mampu membentuk masyarakat yang maju dan tinggi tamadun, dan sebagainya.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon memberikan dua contoh alam nyata. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah alam manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, dan sebagainya.

Soalan 3(b) menghendaki calon menghuraikan sebab al-Quran menggesa manusia untuk berfikir tentang alam nyata. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah supaya manusia dapat mengenali Allah SWT sebagai pencipta, mengenali diri dan kelemahan diri sebagai hamba, mengenali keajaiban alam seperti langit yang diciptakan tanpa tiang, dan sebagainya.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan ruang lingkup penggunaan akal dengan memberikan dua dalil daripada al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon lemah dalam memberikan dalil yang tepat. Terdapat calon yang memberikan fungsi akal sebagai jawapan. Antara jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ayat al-Quran dari surah al-Saad ayat 76 yang menerangkan tentang batasan akal dalam menyelami sesuatu hakikat, ayat 85 daripada surah al-Isra' yang menerangkan tentang kelemahan akal dalam menyingkap hal berkaitan dengan ruh, ayat 11 daripada surah al-Syura yang menerangkan tentang batasan akal dalam mengetahui hakikat dan zat Allah SWT, dan lain-lain lagi.

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menjelaskan maksud perkataan yang bergaris berdasarkan ayat al-Quran yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Maksud perkataan bergaris yang pertama, iaitu *muhkam* ialah ayat-ayat yang maksudnya dapat difahami dan diketahui dengan jelas baik secara nyata. Maksud bagi perkataan bergaris yang kedua, iaitu *mutasyabihat* ialah ayat yang tidak jelas maknanya atau ayat yang mengandungi beberapa kemungkinan penakwilan atau ayat yang tidak sempurna pemahaman kecuali dengan merujuk kepada ayat lain.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan tiga isu berkaitan dengan al-Quran yang membawa kepada kemunculan aliran pemikiran akidah Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah isu berkaitan dengan perbincangan ayat mutasyabihat dan muhkamat, isu al-Quran makhluk dan bukan makhluk, dan sebagainya.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan hubungan antara faktor dalaman dengan faktor luaran yang menyebabkan kelahiran aliran pemikiran akidah Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya menjelaskan faktor dalaman dan faktor luaran yang menyebabkan kelahiran aliran pemikiran akidah Islam. Calon tidak dapat menghubungkan faktor-faktor tersebut. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (1) Hubungan antara ayat-ayat al-Quran iaitu meminta manusia berfikir, *bertaddabur* dan menggunakan akal (faktor dalaman) dengan penterjemahan buku-buku Greek-Yunani, Parsi, India dan lain-lain (faktor luaran), iaitu mereka menjadikan sumber ilmu luaran untuk mentafsir agama dan akidah Islam.
- (2) Hubungan antara ayat-ayat *mutasyabihat* dalam al-Quran (faktor dalaman) dengan pemelukan orang-orang beragama Yahudi, Nasrani dan Majusi ke dalam agama Islam (faktor luaran), di mana mereka cuba memahami Islam berdasarkan fahaman agama asal mereka.
- (3) Pemilihan dan pelantikan khalifah (faktor dalaman) dengan peranan *munafikin* Abdullah bin Saba' (faktor luaran) yang mengapi-apikan jawatan khalifah yang sepatutnya diserahkan kepada Sayyidina Ali yang membawa kepada perjuangan golongan Syiah.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menjelaskan sebab lirik lagu yang bergaris salah pada pandangan Islam berdasarkan lirik lagu yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Lirik tersebut bertentangan dengan ajaran Islam kerana ia menafikan semua agama mampu menyelesaikan masalah hidup manusia, sedangkan Islam diturunkan kepada manusia sebagai satu penyelesaian kepada kemelut dan masalah manusia.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan empat penyelewengan akidah yang dilakukan oleh kumpulan *black metal*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah terdapat unsur pemujaan syaitan dan sihir, lirik lagu yang memuja alam ghaib, menolak semua norma dan agama, mengembangkan budaya hidup yang bertentangan dengan budaya Islam, melakukan aktiviti memijak al-Quran, dan sebagainya.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan pernyataan yang menyatakan bahawa penyelewengan akidah dalam bidang seni muzik sering dikaitkan dengan genre muzik *rock heavy metal*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah muzik ini mengandungi unsur keganasan yang melampau, lirik lagu yang dihasilkan mempunyai unsur pemujaan dan menolak agama, dan lain-lain lagi.

USULUDDIN (931/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 1209 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 71.38% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.86	7.94	7.03	9.93	13.73	12.57	12.32	5.87	6.87	4.22	11.66

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil yang tepat, dan calon tidak dapat memberikan fakta yang tepat.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Ulum al-Quran*

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon memerihalkan pendokumentasian al-Quran yang dilakukan pada zaman Rasulullah SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Setiap ayat yang diturunkan akan dihafaz oleh Rasulullah SAW dan para sahabat
- (ii) Rasulullah SAW memerintahkan supaya ayat-ayat al-Quran yang diturunkan ditulis oleh jurutulis wahyu yang dilantik
- (iii) Ayat-ayat al-Quran tersebut ditulis pada pelepah tamar, batu-batu, kulit kayu atau kulit binatang, dan
- (iv) Rasulullah SAW mengajar para sahabat berkaitan dengan ayat-ayat al-Quran yang diturunkan.

Soalan 1(b) menghendaki calon menerangkan empat perbezaan antara pendokumentasian al-Quran yang dilakukan pada zaman Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq dengan zaman Sayyidina Uthman bin Affan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

Bil	Aspek Perbezaan	Zaman Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq	Zaman Sayyidina Uthman bin Affan
1.	Faktor Pendokumentasian	Ramai golongan <i>huffaz</i> syahid dalam peperangan menentang golongan yang murtad	Terdapat perselisihan bacaan yang membawa perpecahan
2.	Keadaan <i>Mashaf</i>	Keadaan surah belum tersusun	Keadaan surah dan ayat telah tersusun dengan teratur
3.	Pengumpul/Penulis	Zaid bin Thabit	Sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Zaid bin Thabit
4.	Cadangan Pendokumentasian	Sayyidina Umar al-Khattab	Huzaifah al-Yamani
5.	Bilangan	Sebuah sahaja	Enam buah mengikut pandangan <i>jumhur</i>

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan usaha yang telah dilakukan bagi menangani isu perselisihan bacaan al-Quran yang berlaku pada zaman Sayyidina Uthman bin Affan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah menghantar guru ke daerah tertentu bagi mengajar al-Quran, menyalin semula *mashaf* yang telah dikumpulkan pada zaman Sayyidina Abu Bakar, mengarahkan semua pemilik *mashaf* selain *mashaf* yang telah disalin dimusnahkan, dan lain-lain lagi.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon memberikan nama dua buah kitab yang membahaskan ilmu *i'jaz al-Quran*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah *Kitab i'Jaz al-Quran* oleh al-Baqillani, *Kitab Jami' al-Ahkam al-Quran*, *Kitab al-Kasysyaf*, *Kitab Anwar al-Tanjil*, dan lain-lain lagi.

Soalan 2(b) menghendaki calon menghuraikan sejarah pertumbuhan ilmu *i'jaz al-Quran*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon perlu menghuraikan sejarah pertumbuhan ilmu ini mengikut kronologi. Calon juga perlu menyatakan contoh karya dan tokoh yang terlibat bagi abad yang dinyatakan.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan *i'jaz ilmiyy* yang terdapat dalam al-Quran yang selari dengan penemuan sains dengan memberikan dua contoh. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak dapat memberikan ayat al-Quran dengan tepat. Terdapat juga segelintir calon yang dapat memberikan contoh dengan baik, tetapi tidak menghubungkaitkan contoh yang diberikan dengan penemuan sains. Antara contoh *i'jaz ilmiyy* yang terdapat di dalam al-Quran ialah proses kejadian hujan melalui surah al-Tariq, ayat 11, sistem *barcode* melalui surah al-Qiyamah ayat 3 dan 4, kejadian gempa bumi melalui surah al-Naba', ayat 6 dan 7, dan sebagainya.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan empat faktor perkembangan ilmu tafsir pada zaman tabiin. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara faktor perkembangan ilmu tafsir pada zaman tabiin ialah perkembangan ilmu pengetahuan, lahirnya masalah-masalah baharu yang memerlukan penjelasan daripada al-Quran, perluasan wilayah Islam, kelahiran pelbagai mazhab dan fahaman dalam Islam yang mentafsir mengikut kehendak mazhab dan fahaman mereka, dan sebagainya.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan empat perbezaan antara tafsir dengan takwil. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Tafsir digunakan pada *lafaz* dan *mufradat*, sedangkan takwil lebih banyak digunakan pada *jumlah* dan makna
- (ii) Tafsir mempunyai kaitan dengan *riwayah*, sedangkan takwil mempunyai kaitan dengan *dirayah*
- (iii) Tafsir digunakan dalam ayat *muhkamat*, sedangkan takwil digunakan dalam ayat *mutasyabihat*
- (iv) Tafsir menjelaskan ayat yang zahir, sedangkan takwil menjelaskan lafaz yang tersembunyi

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan pernyataan yang diberikan, iaitu “Ilmu tafsir amat diperlukan dalam memahami makna al-Quran dengan lebih sempurna dan tepat.” Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah kesahihan sesebuah tafsiran bergantung kepada sejauh mana pentafsiran tersebut selari dengan ilmu tafsir yang disusun oleh para ulama, tafsiran yang dilakukan mungkin akan berlaku *khilaf* sekiranya tiada panduan yang khusus, ilmu ini membantu dalam mengeluarkan *istinbat* hukum apabila pentafsir mampu memahami maksud *kalam* Allah yang bersifat perintah dan larangan, dan lain-lain lagi.

BAHAGIAN B: *Ulum al-Hadis*

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon memberikan empat usaha yang dilakukan oleh para tabiin untuk memelihara kesucian hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah berhati-hati dalam meriwayatkan dan menerima hadis, meletakkan syarat adil bagi perawi untuk diterima periwayatannya, menolak riwayat perawi yang *fasiq*, *bid'ah*, dan *mungkar*, mengembara mencari perawi bagi sesebuah hadis untuk *menthabitkan* riwayatnya, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan empat bentuk penulisan *Ulum al-Hadis* pada abad ketiga Hijrah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah penulisan yang membezakan antara *sahih* dengan *da'if* seperti Sahih al-Bukhari, menyenaraikan *sanad* hadis dalam penulisan, muncul penulisan tentang *rijal al-hadis*, terdapat penulisan berkaitan dengan nama *kuniyyah* dan *laqab*, dan sebagainya.

Soalan 4(c) menghendaki calon menjelaskan sebab penulisan *Ulum al-Hadis* pada abad ketujuh Hijrah hingga kesepuluh Hijrah dianggap sempurna dari sudut penyusunannya. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Penulisan *Ulum al-Hadis* pada abad tersebut dianggap lebih sempurna penulिसannya kerana munculnya karya yang merangkumi semua ilmu yang berkaitan dengan *Ulum al-Hadis*, terhasilnya kaedah-kaedah dalam *Ulum al-Hadis*, terdapat penambahbaikan daripada ulama hadis terhadap kekurangan karya yang lalu, dan sebagainya.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan dua buah kitab yang membincangkan tentang ilmu *jarh* dan *ta'dil*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kitab tersebut ialah *Kitab al-Du'afa* oleh Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Kitab al-Thiqat* oleh Abu Hatim bin Hibban al-Busti, *Kitab al-Kamil* oleh Abdullah bin Muhammad Ibn 'Adi al-Jurjani, dan *Kitab al-Jarh wa al-Ta'dil* oleh Abdul Rahman bin Abu Haatim al-Razi.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan empat syarat yang perlu ada pada ahli *jarh* dan *ta'dil*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah seorang yang berilmu, adil, mengetahui sebab berlakunya *al-jarh*, tidak *ta'sub* kepada mana-mana mazhab, mempunyai sifat *dhabit*, dan sebagainya.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan kod etika kewartawanan menurut ilmu *jarh* dan *ta'dil*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah wartawan hendaklah memastikan kebenaran dan ketepatan berita yang disampaikan sebelum menyebarkannya kepada umum, wartawan mestilah mempertahankan kejujuran dan keadilan dalam menerbitkan berita, wartawan mestilah amanah dengan tidak menyembunyikan maklumat yang sah, sebarang berita yang tersalah dilaporkan hendaklah segera diperbetulkan, dan sebagainya.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon memberikan empat tujuan Orientalis mengkaji hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah untuk menimbulkan keraguan terhadap kerasulan Nabi Muhammad SAW dan al-Quran, menafikan kebenaran agama Islam, memecahbelahkan perpaduan umat Islam, mempertikai keupayaan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu, menimbulkan keraguan berkaitan dengan *isnad*, dan mencetuskan keraguan terhadap kesahihan hadis.

Soalan 6(b) menghendaki calon memberikan hujah bagi menyangkal dakwaan Orientalis yang menyatakan bahawa hadis ialah ciptaan Nabi Muhammad SAW. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak mampu memberikan hujah yang konkrit bagi menyangkal dakwaan tersebut. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah Nabi Muhammad SAW terkenal dengan sifat *al-Amin* sejak sebelum dilantik menjadi rasul, Rasulullah SAW seorang yang bersifat *ummi* dan tidak mungkin menulis sesuatu yang berbentuk seperti hadis, setiap hadis yang diberikan oleh Rasulullah SAW bersifat menyeluruh merangkumi semua aspek dalam kehidupan dan merentasi sempadan zaman, dan lain-lain lagi.

USULUDDIN (931/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1201 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.27% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.16	4.08	7.24	6.99	12.07	12.82	10.91	8.33	4.41	5.00	16.99

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik dan calon tidak dapat memberikan fakta yang tepat.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menjelaskan sejarah perkembangan ilmu mantik di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Perkembangan ilmu mantik di Malaysia bermula dengan kedatangan saudagar dan pedagang ke Tanah Melayu. Kemudian, muncul pondok-pondok yang menggunakan kitab mantik dalam pengajaran. Ia diteruskan dengan pengajaran secara formal melalui mata pelajaran matematik KBSM. Ilmu mantik turut diajar di beberapa universiti awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM).

Soalan 1(b) menghendaki calon membincangkan peranan ilmu mantik dalam bidang Usuluddin. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah dapat membina hujah yang kuat dalam bidang Usuluddin, dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah, dapat memastikan pembentukan takrif yang dilakukan dalam bidang Usuluddin dapat difahami tanpa ralat, dapat meningkatkan keupayaan ulama Islam dalam menolak hujah *syubhah* golongan *mulhid*, dan lain-lain lagi.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menyatakan jenis takrif dan *kulliyat khamsah* yang digunakan berdasarkan takrif yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jenis takrif tersebut ialah *al-ta'rif bi al-rasm al-tam*. *Kulliyat khamsah* yang digunakan ialah *jins* dan *khassah*.

Soalan 2(b) menghendaki calon membezakan antara *fasl* dengan *khassah* berserta contoh. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara perbezaan tersebut ialah *fasl* merupakan sifat asas sesuatu perkara, manakala *khassah* merujuk kepada sifat umum yang bukan zat. *Fasl* terbahagi kepada dua bahagian, manakala *khassah* tiada pembahagian. Contoh *fasl* ialah berfikir bagi manusia dan contoh *khassah* ialah ketawa bagi manusia.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan kepentingan *al-ta'rif* dalam kehidupan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah dapat menjelaskan segala kekeliruan dan kesamaran yang terbentuk, menjadi pembeza kepada perkara yang hampir sama, membantu dalam komunikasi seharian, dan sebagainya.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menerangkan maksud *fard al-furud*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Fard al-furud* ialah proses membuat awal atau hipotesis dengan melihat dan mengkaji hubungan antara sebab dan akibat daripada sesebuah penelitian.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan empat syarat *fard al-furud* dalam kajian ilmiah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang memberikan syarat *mulahazah* sebagai jawapan. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah bahan yang dikaji perlu melalui proses *mulahazah* dan *tajribah*, hipotesis yang dibina tidak boleh bercanggah dengan peraturan tabii, hipotesis yang dibina berdasarkan bukti dan hujah yang menyokong, hipotesis yang dibina boleh diukur, dan sebagainya.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan kepentingan *fard al-furud* dalam bidang pengajian Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kepentingan *fard al-furud* dalam pengajian Islam adalah untuk menemukan pelbagai fakta ilmiah, untuk mengesahkan semula penemuan kajian terawal, membantu mengumpulkan fakta saintifik yang baik, dan sebagainya.

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menjelaskan pengertian ralat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ralat ialah kesalahan atau kesilapan dalam mentakrifkan sesuatu perkara.

Soalan 4(b) menghendaki calon menghuraikan ralat yang terdapat dalam takrif yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Takrif kereta ialah proton saga ralat kerana takrif tersebut tidak *jami'*.
- (ii) Takrif berani ialah tidak takut, takut ialah tidak berani ralat kerana takrif tersebut merupakan takrif kitaran setempat.
- (iii) Takrif sekolah ialah tempat orang berkumpul ralat kerana takrif tersebut tidak *mani'*
- (iv) Takrif berkat ialah keberkatan ralat kerana takrif tersebut takrif seerti

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan faktor berlakunya falasi dalam berhujah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah tidak menguasai kaedah yang betul dalam berfikir dan berhujah, terlalu cepat dalam membuat keputusan atau hukum, generalisasi, tidak menepati syarat *istiqra'* dan *qiyas*, dan sebagainya.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memerihalkan biodata Ibn Haytham sebagai tokoh ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan nama penuh, tempat lahir, tarikh lahir dan tarikh meninggal, dan ketokohan beliau dengan tepat.

Soalan 5(b) menghendaki calon membincangkan sumbangan Ibn Haytham dalam ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara sumbangan beliau ialah beliau telah menghasilkan buku mantik seperti Kitab *al-Manazir*, merupakan pengasas *manhaj istiqra'i*, pengasas mantik moden, melakukan kajian yang bebas daripada unsur negatif, dan sebagainya.